

10 FEB 2001

Malaysia-Singapura

LAWATAN PERSAHABATAN PAK LAH TINGKATKAN HUBUNGAN M'SIA-SINGAPURA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 10 Feb (Bernama) -- Selama beberapa jam semalam, selepas lawatan rasminya ke republik ini berakhir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi masih berada di Singapura.

Setelah tiga hari mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Singapura dan menghadiri jamuan malam oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, Abdullah tidak terus pulang tetapi mengambil kesempatan meraikan rakan-rakan lamanya di sini.

Suasana selesa di Rumah Malaysia, kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, riuh dengan gurau senda apabila Abdullah dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood meraikan kira-kira sedozen tetamu termasuk bekas presiden Singapura Ong Teng Cheong, bekas menteri kabinet Lim Chee Onn dan pengerusi Keppel Corporation serta bekas anggota Parlimen Mansor Sukaimi.

Jamuan yang diakhiri dengan hidangan buah durian yang dibawa masuk dari Segamat, Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Pak Lah, sekali lagi menegaskan kepada media Malaysia yang hadir, mengenai pentingnya mengekalkan hubungan antara kedua-dua belah pihak di seberang Tambak terutama di kalangan pemimpin politik muda dan pelajar.

Beliau bercakap dengan penuh semangat mengenai menyatukan belia dari kedua-dua negara menggunakan Internet bagi sekolah kembar dan tele sidang dan kemudian mengembangkan rangkaiannya ke negara lain di Asia Tenggara.

"Kita menyedari bahawa pasti wujud masalah dalam hubungan, malah pada masa depan, tetapi perkara yang paling penting ialah mesti wujud peratusan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia dan Singapura yang akan memahami dan menyuarakan pandangan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura adalah sangat penting dan tidak patut terjejas teruk.

"Jika ada perbezaan antara sesetengah kumpulan, kita mahu ia diselesaikan secepat yang mungkin," kata Abdullah pada persidangan media pada akhir lawatannya.

Lawatan Abdullah, yang pertama sejak dilantik sebagai pemimpin nombor dua Malaysia, dilihat telah menenangkan hubungan dua hala yang sekali lagi berkocak bulan lepas apabila Goh mencetuskan kemarahan di Malaysia dengan berkata bahawa kehidupan orang Melayu Singapura adalah lebih baik daripada rakan mereka di Malaysia.

Hubungan antara kedua-dua negara kerap kali panas. Satu pakej isu-isu yang belum diselesaikan, yang termasuk kontrak bekalan air aru untuk Singapura, juga menjejaskan hubungan sejak dua tahun lepas.

Tetapi terdapat tanda-tanda yang menggalakkan bahawa kedua-dua negara menjurus kepada menyelesaikan pakej yang sudah tertangguh sejak beberapa tahun lepas.

Semasa lawatan Abdullah, adalah dimaklumkan kedua-dua negara kini akan mengkaji penempatan semula stesen kereta api milik Malaysia di Tanjung Pagar di sini ke Kranji, juga di Singapura, dan bukan Bukit Timah atau Woodlands seperti yang dibincangkan sebelum ini, yang menghubungkan stesen Kranji yang dicadangkan ke Johor, Malaysia dengan terowong kereta api bawah tanah.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata rundingan mengenai pakej itu kini menuju arah yang betul selepas lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew ke Kuala Lumpur Ogos lepas dan bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Hamid juga menegaskan bahawa pakej itu akan diselesaikan berdasarkan ia menguntungkan kedua-dua pihak, syarat-syarat yang boleh

diterima kedua-dua pihak, dan tidak wujud persoalan seorang memberi konsesi kepada yang lain.

"Sebaik kerangka kerja am sudah dipersetujui, ia bukan lagi persoalan Singapura memberi konsesi atau Malaysia lewat-lewatkannya. Malaysia, seperti juga Singapura, berminat menyelesaikan semua perkara ini segera," katanya.

Keputusan positif segera hasil lawatan Abdullah ialah kedua-dua negara akan melaksanakan penggunaan sistem pemeriksaan imigresen seragam untuk pengguna yang kerap berulang-alik antara kedua-dua negara melalui Johor.

Menteri Dalam Negeri Singapura Wong Kan Seng akan ke Kuala Lumpur tidak lama lagi bagi membincangkan perkara itu.

-- BERNAMA
TCL LAT RON